

BAB LAPAN

RUMUSAN DAN CADANGAN

Bab ini akan menjelaskan pelbagai rumusan yang diperolehi hasil dari kajian serta analisis yang telah dibuat di dalam bab-bab yang sebelumnya. Ia kemudian akan disusuli dengan beberapa cadangan dari penulis berasaskan kajian yang telah dibuat dan perbahasananya adalah seperti berikut:

8.1 RUMUSAN

8.1.1 Keanggotaan Dalam Badan Perundangan Malaysia Dari Perspektif Islam

Berdasarkan kepada keseluruhan kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa mereka yang terlibat secara langsung dalam badan perundangan di Malaysia bagi peringkat persekutuan dan negeri-negeri adalah terdiri dari Yang di-Pertuan Agong (Selepas ini di sebut YDPA), Raja-raja atau Sultan, Yang Dipertua Negeri-negeri, ahli-ahli Dewan Negara, ahli-ahli Dewan Rakyat dan semua ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Yang paling menarik ialah sebahagian besar dari mereka adalah dari kalangan orang yang beragama Islam.

Kajian juga mendapati pembentukan badan perundangan di Malaysia samada di peringkat persekutuan atau peringkat negeri mestilah selaras dengan ketetapan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri yang terlibat. Peruntukan Perlembagaan negeri-negeri juga tidak boleh sama sekali bercanggah dengan undang-undang Persekutuan. Jika didapati bercanggah, undang-undang tersebut dikira terbatal setakat mana ianya berlawanan dengan undang-undang Persekutuan itu.¹ Oleh itu sekiranya terdapat nilai-nilai Islam yang ingin dilaksanakan di peringkat negeri atau persekutuan nilai-nilai tersebut mestilah tidak bertentangan dengan perlembagaan yang ada.

Sebagaimana yang diketahui umum, pelantikan anggota badan perundangan di Malaysia dibuat berpandukan konsep demokrasi berparlimen yang di amalkan di negara ini. Pelantikan sebahagian dari anggota badan perundangan dibuat melalui proses pilihanraya dan sebahagian lagi dilantik oleh Yang diPertuan Agong atau Sultan. Begitu juga sebahagian dari sistem yang dipakai merupakan penerusan terhadap sistem badan perundangan yang telah diperkenalkan oleh penjajah Inggeris sebelum Tanah Melayu merdeka.

Untuk membuat penilaian bagi mengukur sejauhmanakah kedudukan badan perundangan di Malaysia hari ini samada ianya bersesuaian atau tidak bersesuaian dengan konsep Islam, analisa terperinci dilakukan terhadap beberapa aspek. Di antaranya dari segi kelayakan anggota badan perundangan mengikut perspektif Islam dan sejauhmanakah ianya diamalkan di Malaysia. Ia dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

i. Syarat-syarat Dari Segi Keilmuan

Dalam sesebuah badan perundangan itu perlu ada sebahagian dari anggotanya yang mempunyai ilmu agama yang menyeluruh sehingga sampai ke tahap boleh berijtihād. Dalam konteks negara moden seperti Malaysia hari ini kemungkinan sangat sukar untuk mendapat kelayakan *mujtahid* disebabkan kekurangan pemimpin yang menguasai ilmu agama pada tahap yang begitu tinggi. Berbanding dengan zaman awal Islam, dalam keadaan semasa hari ini syarat ini terlalu sukar untuk dicapai. Namun demikian usaha seharusnya dilakukan oleh pihak pemerintah agar dalam sesebuah badan perundangan itu paling kurang ada ‘ulamā’ yang mampu berijtihād terutama bagi menyelesaikan persoalan semasa yang ada kaitannya dengan masalah hukum. Syariah Islam sememangnya memberi peluang seluas-luasnya kepada pihak pemerintah kerajaan Islam untuk membentuk badan perundangan berasaskan *ijtihād* semasa mengikut kesesuaian masa, tempat dan keperluan. Alangkah baiknya jika dalam badan perundangan kerajaan Islam terdapat para ‘ulamā’ dan cendiakawan Islam yang berkemampuan menggubal undang-undang bagi menyelesaikan pelbagai masalah baru yang hukumnya tidak terdapat secara jelas dalam nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah.

Untuk melengkapkan syarat di atas, secara alternatifnya hendaklah diwujudkan kerjasama yang erat antara *umarā'* dan para ‘ulamā’. Menurut konsep kerjasama ini ‘ulamā’ hendaklah memainkan peranan sebagai pengimbang kepada pemerintahan negara dan penasihat kepada kerajaan. Langkah ini di anggap dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi apabila kepimpinan di negara-negara moden hari ini beralih daripada para ‘ulamā’ *al-mujtahid* kepada mereka yang

bukan bertaraf ‘ulamā’ *al-mujtahid*.² Dengan itu dalam sebuah badan perundangan Islam akan ada suatu gabungan di antara para ‘ulamā’, cendiakawan dan pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berlainan. Usaha ini merupakan suatu langkah yang paling tepat.

‘Abd al-Qādir ‘Awdaḥ berpendapat, syarat berilmu yang dimaksudkan di sini ialah ilmu dalam pengertiannya yang luas. Ini termasuklah ilmu agama, ilmu politik dan ilmu-ilmu lain. Tidaklah disyaratkan anggota badan perundangan itu menjadi pakar dalam semua bidang. Cukuplah dengan beliau pakar dalam ilmu tertentu sahaja seperti; kejuruteraan, perubatan dan lain-lain. Para ‘ulamā’ juga tidak perlu semuanya layak *berijtihād*, tetapi memadai jika ada di kalangan mereka itu wakil yang mampu melakukan *ijtihād*.³ Kebanyakan ‘ulamā’ kini berpendapat paling kurang anggota badan perundangan dikehendaki menguasai ilmu pengetahuan sehingga ke tahap beliau mampu untuk menentukan siapakah yang paling layak menjadi pemimpin berdasarkan kehendak hukum syara’. Ini bermakna tidak semua ahli majlis mesyuarat disyaratkan mempunyai ilmu itu sehingga ketahap mampu *berijtihād* menentukan hukum.⁴

Keilmuan yang dimiliki oleh anggota badan perundangan sudah tentu dapat membantunya menjalankan tugas dengan baik untuk membentuk polisi dan dasar pemerintahan negara. Tanggungjawab mereka dalam soal-soal penggubalan undang-undang dan pelbagai peraturan bagi menjaga kepentingan awam pasti memerlukan satu tahap keilmuan yang tinggi. Keilmuan yang tinggi ini juga boleh membantu anggota badan perundangan menggunakan metod siasah syar’iyyah sebagai satu cara penentuan hukum dan juga sebagai sistem pentadbiran negara Islam.

Apabila diteliti kepada Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri di Malaysia tidak terdapat langsung peruntukan tertentu yang menjelaskan syarat-syarat keilmuan. Tafsiran keilmuan di sini bukan sahaja merujuk kepada pencapaian ilmu agama, malah kepada kelulusan akademik yang diperlukan oleh seseorang individu yang ingin menjadi anggota badan perundangan di Malaysia. Realiti yang berlaku sekarang sesiapa sahaja tanpa mengira apa jua latarbelakang pendidikan dan kelayakan akademik layak menganggotai badan perundangan Malaysia.

Selain itu Perlembagaan Persekutuan juga tidak mengandungi peruntukan yang menuntut agar anggota badan perundangan merujuk kepada pakar-pakar agama yang terdiri dari ‘ulamā’ dan ahli perundangan Islam apabila menghadapi permasalahan yang melibatkan hukum syara’ atau di dalam mendapatkan pandangan bagi menjalankan apa-apa dasar dan tindakan di peringkat negara. Ini menunjukkan sebenarnya ‘ulamā’ masih belum diberi peranan dan kedudukan yang sewajarnya dalam pemerintahan dan pentadbiran negara oleh apa-apa peruntukan perlembagaan. Sebab itu didapati banyak berlaku pertembungan di antara ‘ulamā’ dan *umarā* dalam pelbagai isu berbanding dengan kerjasama di antara kedua-dua golongan. Realiti ini menunjukkan kegagalan untuk mewujudkan konsep kerjasama antara ‘ulamā’ dan *umarā*.

ii. Persoalan Keadilan

Seorang anggota badan perundangan Islam mestilah bersifat adil melengkapi syarat-syaratnya.⁵ Adil yang dimaksudkan ialah seseorang yang benar turut katanya, terkenal dengan sifat amanahnya, tidak melakukan dosa besar dan kesalahan serta perkara-perkara yang meragukan, mempunyai emosi yang stabil dan sentiasa menjaga maruah.⁶ Ini merupakan suatu syarat yang ideal. Oleh kerana sifat adil ini sukar didapati di dalam dunia Islam pada hari ini, maka ada sarjana yang mengkhususkan syarat adil ini kepada seseorang yang tidak pernah didakwa oleh mana-mana mahkamah Islam.⁷

Tahap keadilan anggota badan perundangan Malaysia hanya diukur berdasarkan adakah orang tersebut melakukan jenayah atau tidak. Sesuatu kesalahan dianggap sebagai jenayah apabila mana-mana mahkamah undang-undang di Malaysia mensabitkan ianya adalah jenayah.⁸ Misalnya seseorang tidak layak untuk menjadi anggota badan perundangan jika beliau telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah di Persekutuan melakukan jenayah dan dijatuhkan hukuman penjara tidak kurang dari satu tahun lamanya atau dikenakan denda tidak kurang dari dua ribu ringgit, sedangkan beliau tidak mendapat keampunan dari YDPA.⁹ Begitu juga sesiapa yang disahkan melakukan kesalahan jenayah mengenai pilihanraya tidak layak menjadi anggota badan perundangan. Kesalahan yang dilakukan itu tidak kira samada kesalahan yang berkaitan dengan pilihanraya bagi mana-mana Majlis Parlimen atau bagi Dewan Undangan Negeri.¹⁰

Sifat-sifat yang sepatutnya ada bagi menjamin keadilan dan keluhuran pribadi seseorang calon anggota badan perundangan tidak diperuntukkan dalam Perlumbagaan. Jika dinilai mengikut perspektif Islam, kekurangan dari segi keadilan ini boleh berlaku apabila seseorang ahli majlis mesyuarat bertindak mengikut hawa nafsu dan membela kangkan tuntutan agama. Ini termasuklah melakukan perbuatan-perbuatan yang ditegah oleh agama seperti pecah amanah (khianat), rasuah, menipu, membunuh dan sebagainya. Termasuk juga membuat sesuatu keputusan dalam pemerintahan berlandaskan hawa nafsu dan mengutamakan kepentingan diri sendiri atau kelompok tertentu dengan mengabaikan keperluan masyarakat.

Untuk menjamin terlaksananya keadilan suatu panduan khusus harus di sediakan untuk dijadikan garis panduan bagi memilih anggota badan perundangan Malaysia. Misalnya seseorang calon itu hendaklah dipilih berdasarkan sifat-sifat mulia yang ada pada dirinya. Mengikut pandangan Dr. ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Qādirī sifat-sifat baik yang ada pada anggota badan perundangan boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama ialah sifat baik semula jadi yang dianugerahkan oleh Tuhan ke dalam diri seseorang manusia dan kedua ialah sifat-sifat baik yang boleh dicapai dengan daya usaha manusia sendiri.¹¹

Contoh sifat-sifat semulajadi yang dianugerahkan oleh Allāh s.w.t kepada manusia ialah seperti sifat-sifat berani, mulia, benar, menunaikan amanah, kehendak yang kuat, membela orang yang kena zalim, membantu orang-orang yang daif, bijak, memelihara diri, lemah lembut, berhati-hati melakukan kerja, sabar menanggung penderitaan, peka terhadap sesuatu perkara, rasa bertanggungjawab terhadap kewajipannya, mampu mentadbir dan mengurus dengan baik. Sifat-sifat ini merupakan sifat-sifat penting yang perlu ada pada setiap anggota badan perundangan. Ia merupakan sifat-sifat yang sangat diperlukan dalam hubungan di antara seorang manusia dengan manusia yang lain, tidak kira samada dia seorang yang beragama Islam atau tidak. Tanpa sifat-sifat ini hubungan baik sesama manusia akan terjejas. Islam sendiri mengakui kebaikan sifat-sifat ini dan menyeru umatnya supaya berakhhlak sedemikian. Anggota badan perundangan yang ingin dipilih sekurang-kurangnya diberi keutamaan memiliki semua sifat-sifat yang baik ini. Sekiranya seseorang itu tidak sempurna sifat-sifat asas tersebut beliau tidak layak dipilih atau dilantik sebagai anggota badan perundangan. Contohnya, seseorang yang lemah pentadbiran atau lemah fikiran, sudah tentu tidak mampu untuk mentadbir berbagai-bagai urusan dalam pemerintahan. Begitu juga orang yang lemah kehendaknya atau pengecut sifatnya, tidak akan berani untuk tampil menguruskan pemerintahan negara. Sifat bakhil pula, sekiranya ada pada diri seseorang pemimpin, sudah tentu lebih banyak membawa kerosakan sepadan rakyat dalam sesebuah negara.¹²

Seterusnya seseorang anggota badan perundangan perlu berusaha untuk memiliki sifat-sifat mulia. Misalnya berusaha menguasai ilmu yang diperolehi melalui pengalaman atau kerja-kerja yang pernah dilakukan. Contohnya seseorang itu berusaha belajar dan berjaya menjadi seorang ahli ilmu, ahli fiqh atau dan orang-orang yang berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu. Badan perundangan memerlukan pandangan ahli-ahli seperti ini. Pandangan pakar-pakar seperti para doktor, jurutera, peniaga-peniaga, golongan cendiakawan yang cekap berfikir dan lain-lain juga adalah sangat-sangat diperlukan.¹³

iii. Kesempurnaan Akal

Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri menetapkan seseorang itu dikira tidak layak menjadi anggota badan perundangan (sebagai ahli parlimen dan ADUN) sekiranya beliau didapati secara sah tidak siuman atau telah diisyiharkan sebagai seorang yang tidak sempurna akalnya.¹⁴ Ketetapan ini selaras dengan konsep Islam kerana agama Islam mensyaratkan seseorang pemimpin itu mestilah mempunyai kemampuan dari segi mental untuk melaksanakan syari'at Islam.

Hilang akal atau gila merupakan kecacatan pancaindera yang serius pada diri seseorang. Sifat itu akan menghalang fungsi ahli majlis perundangan untuk menjalankan tanggungjawabnya. Orang yang sedia gila tidak harus dilantik sebagai ahli majlis perundangan. Jika sekiranya beliau sedang menganggotai badan perundangan keanggotaannya itu akan gugur. Para ‘ulamā’ menghuraikan yang dimaksudkan gila itu termasuklah gila yang berterusan atau gila pada masa-masa

tertentu. Mengikut konsep Islam orang yang hilang akal atau gila dikecualikan dari segala kewajipan agama. Ini berdasarkan sabda RasūlulLāh s.‘a.w. yang bermaksud:

Tiga orang yang dikecualikan daripada kewajipan (oleh Allah), orang yang tidak sehingga dia bagus, seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh), dan seorang yang gila sehingga dia berakal (waras semula).¹⁵

Setelah dianalisis didapati peruntukan dari segi kesempurnaan akal yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Oleh itu peruntukan yang sedia ada bolehlah terus dikekalkan.

iv. Had Umur Dan Kematangan

Menurut perspektif Islam seseorang ahli majlis perundangan mestilah terdiri dari individu yang mencapai tahap kematangan pada peringkat umur tertentu dan mempunyai keadaan mental yang sempurna. Dalam istilah Islam individu ini dinamakan sebagai *mukallaf*. Pengiktirafan individu sebagai seorang *mukallaf* adalah berdasarkan kepada dua perkara iaitu mencapai tahap umur baligh dan mempunyai akal yang sempurna atau mental yang sihat.¹⁶

Dalam Islam seseorang yang *mukallaf* ialah seseorang yang sudah mencapai tahap umur *baligh* iaitu 15 tahun dan mempunyai akal yang sihat. Pada peringkat umur begini dia dianggap layak bagi menanggung dan menjalankan kewajipan agamanya. Walaubagaimanapun Imām Abū Ḥanīfah mempunyai pandangan yang berbeza daripada *fuqahā'* lain. Menurut beliau walaupun seseorang

yang baligh dan mempunyai akal yang sempurna telah dipertanggungjawabkan secara penuh ke atas kewajipan agama dan perbuatan jenayah, tetapi dia hanya berhak menjalankan beberapa tanggungjawab dan undang-undang sahaja. Ini kerana menetapkan sesuatu keputusan dan hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang adalah memerlukan kepada tahap kematangan yang tinggi. Oleh itu, Imām Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa hanya individu berumur 18 tahun ke atas sahaja yang layak diserahkan hak-hak sebegini. Ini kerana individu pada tahap umur sebegini biasanya akan membuat keputusan yang lebih wajar dalam soal undang-undang.¹⁷

Oleh itu pendapat Imām Abū Ḥanīfah adalah lebih sesuai untuk diterima dalam soal menentukan had umur anggota badan perundangan Islam. Anggota badan perundangan mestilah dari kalangan orang yang diyakini mencapai tahap kematangan yang tinggi bagi membolehkannya membuat pertimbangan yang wajar. Oleh kerana melibatkan diri dalam badan perundangan akan memberi kesan yang mendalam terhadap kesejahteraan rakyat maka seseorang individu yang berumur 18 tahun ke atas atau di Malaysia berumur 21 tahun ke atas sahaja wajar dibenarkan untuk terlibat sebagai anggota badan perundangan. Oleh itu pensyaratian umur 21 tahun ke atas dikenakan ke atas anggota badan perundangan Islam adalah tidak bercanggah dengan konsep Islam.

Perlembagaan menetapkan seseorang calon yang akan dilantik sebagai ahli Dewan Negara mestilah berumur tiga puluh tahun ke atas.¹⁸ Manakala ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri mestilah berumur dua puluh satu tahun ke atas.¹⁹ Mengikut perspektif Islam penentuan had umur terhadap ahli

Dewan Negara, ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri merupakan permasalahan *ijtihādiyyah*. Oleh itu penyelesaian masalah tersebut terserahlah kepada *ijtihād* umat Islam semasa, kerana mereka lebih tahu tentang apa yang paling sesuai untuk diputuskan. Mereka boleh memilih calon yang betul-betul matang dan layak untuk dilantik sebagai anggota badan perundangan. Namun demikian calon-calon yang belum sampai umur (belum *mukallaf*) tidak wajar dilantik sebagai wakil *ummah*.²⁰ Kesimpulannya peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan tentang had umur anggota badan Perundangan di Malaysia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Namun demikian ianya boleh dinilai dari masa kesemasa dan disuaikan mengikut *maṣlahah* semasa.

v. Persoalan Agama

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab dua disertasi ini, dalam sesebuah negara atau kerajaan Islam terdapat beberapa jawatan penting yang tidak harus diserahkan kepada orang-orang bukan Islam. Jawatan tersebut ialah beberapa jawatan yang disifatkan sebagai pemegang kuasa dalam bentuk *al-wilāyah al-‘āmmah*, yang dianggap penting berdasarkan bidangkuasa dan pengaruhnya begitu besar dan luas sekali dalam menentukan kedudukan agama dan politik umat Islam. Di antara jawatan-jawatan yang terlibat ialah seperti *al-Imāmah*, *al-Khilafah*, *Wazīr*, *al-Tafwīd* dan *al-Imarah*. Begitu juga beberapa jawatan penting yang lain seperti bidang kehakiman, ketenteraan dan beberapa jawatan yang dikhususkan bagi orang-orang yang beragama Islam sahaja.

Apabila dirujuk kepada Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri didapati semua Perlembagaan yang ada memperuntukkan bahawa semua raja-raja yang dilantik di setiap negeri mestilah beragama Islam²¹ dan mengambil peranan sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing.²² Begitu juga YDPA mestilah beragama Islam kerana baginda merupakan salah seorang dari raja-raja Melayu dilantik oleh Majlis Raja-raja,²³ dan juga merupakan ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja²⁴ serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.²⁵ Begitu juga mengikut amalan biasa yang diamalkan di negara ini jawatan Yang Dipertua bagi negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak akan disandang oleh seseorang pemimpin yang beragama Islam. Peruntukan undang-undang dan amalan sedemikian wajar dikekalkan agar kepimpinan utama negara tidak diserahkan kepada orang-orang bukan Islam. Lebih dari itu sebagai seorang Islam para pemimpin dan anggota badan perundangan yang beragama Islam wajib berusaha sedaya upaya bagi menjamin prinsip-prinsip Islam dapat diamalkan dalam penggubalan undang-undang samada di peringkat persekutuan atau negeri-negeri.

Timbul suatu persoalan tentang status agama orang yang akan menyandang jawatan Perdana Menteri Malaysia (selepas ini disebut PM). Sememangnya Perlembagaan Persekutuan memperakui bahawa PM merupakan salah seorang anggota badan perundangan di peringkat Persekutuan. Buktinya PM mestilah dari kalangan salah seorang ahli Dewan Rakyat yang mendapat kepercayaan majoriti oleh ahli-ahli Dewan tersebut.²⁶ Sebaliknya Perlembagaan

Persekutuan tidak mensyaratkan seseorang PM yang menjadi ketua Jemaah Menteri mesti seorang individu yang beragama Islam. Ini bermakna jawatan tersebut boleh disandang oleh sesiapa sahaja termasuklah orang-orang yang bukan Islam. Tidak ada sebarang peraturan atau undang-undang yang melarang orang-orang bukan Islam yang mendapat kepercayaan majoriti dalam Parlimen untuk dilantik sebagai PM.

Bagi menyempurnakan syarat-syarat untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam, Perlembagaan Persekutuan sepatutnya dipinda bagi menghadkan jawatan PM itu hanya boleh disandang oleh orang yang beragama Islam sahaja. Alasannya jawatan PM sepatutnya hendaklah dinilai sama tarafnya dengan jawatan *Wazir al-Tafwid* dalam negara Islam. Jika Kerajaan Malaysia berhasrat untuk menjamin jawatan PM itu hanya boleh disandang oleh orang-orang yang beragama Islam sahaja perkara 43 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan sebaik-baiknya dipinda dengan memasukkan perkataan Islam di dalamnya. Cadangan perubahan adalah seperti berikut:

"Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik sebagai Perdana Menteri untuk mengetuai Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang beragama Islam, yang pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan itu."

Sekiranya dimasukkan ungkapan "yang beragama Islam" dalam peruntukan tersebut maka jawatan PM tidak boleh sama sekali diserahkan kepada orang-orang yang bukan beragama Islam. Pindaan tersebut sangat penting untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sebenar.

Selain itu Perlembagaan Persekutuan juga tidak menyebut sebarang pensyaratannya beragama Islam atau bukan Islam untuk menganggotai badan perundangan Malaysia. Malah tiada komposisi tertentu yang disyaratkan dalam keanggotaan badan perundangan Malaysia untuk diduduki oleh orang-orang yang beragama Islam sahaja. Oleh itu keanggotaan dalam badan perundangan Malaysia sekarang adalah terbuka kepada sesiapa sahaja yang layak tanpa mengambil kira status agama yang mereka anuti.²⁷ Orang-orang bukan Islam juga bebas untuk berbincang tentang apa sahaja yang dibentangkan dalam Parlimen dan Dewan-dewan Negeri samada berkaitan dengan hukum hakam Islam dan lain-lain. Sedangkan mengikut konsep Islam mereka sepatutnya tidak dibenarkan bermesyuarat atau memberi sebarang kritikan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam, terutamanya yang melibatkan hukum hakam Islam yang *thābit* berdasarkan naṣ yang *qat'i*.²⁸ Peruntukan yang sedia ada dalam perlembagaan tidak memadai. Oleh itu peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan status penglibatan orang-orang bukan Islam dalam badan perundangan Malaysia hendaklah digubal oleh pakar undang-undang Islam secara terperinci. Jika tidak cita-cita untuk melahirkan badan perundangan Islam di negara ini tidak dapat dicapai.

vi. Persoalan Masyarakat Majmuk

Masyarakat Malaysia ialah masyarakat majmuk di mana penduduknya terdiri dari pelbagai kaum yang menganuti pelbagai agama. Kemajmukan masyarakat Malaysia itu haruslah dijadikan pertimbangan dalam

penubuhan badan perundangan berdasarkan konsep Islam. Adalah menjadi suatu kekeliruan apabila sebahagian dari umat Islam negara ini menganggap bahawa kemajmukan penduduk di negara Malaysia merupakan penghalang kepada perlaksanaan nilai-nilai Islam sepenuhnya dalam badan perundangan. Sikap seperti ini seolah-olah menafikan kemampuan yang ada pada badan perundangan Islam itu sendiri. Sebenarnya negara Islam yang diasaskan oleh RasūlulLāh di Madinah adalah merupakan suatu contoh bagaimana sistem badan perundangan Islam itu dapat berjalan dengan baik dalam suatu masyarakat yang bersifat majmuk. Masyarakat bukan Islam pasti akan menerima amalan nilai-nilai Islam yang baik dalam badan perundangan sekiranya mereka mendapat penerangan yang jelas dengan cara yang baik dan sopan.

Agama Islam yang besifat positif mengakui bahawa tidak semua orang-orang bukan Islam itu memusuhi Islam. Sebaliknya ada di kalangan mereka orang-orang yang mempunyai sifat amanah dan boleh dipercayai oleh kerajaan Islam. Begitu juga dalam sesebuah badan perundangan yang besar yang melibatkan masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini orang-orang bukan Islam sudah tentu ingin melantik wakil mereka dalam badan perundangan di negara ini. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab dua disertasi ini status penglibatan orang-orang bukan Islam dalam badan perundangan sesebuah negara Islam adalah harus. Walaubagaimanapun perlaksanaannya perlu dibuat berdasarkan kaedah siyarah syar'iyyah bagi menjamin keselamatan dan keamanan sesebuah negara serta memperolehi keredaan Allah s.w.t

Orang-orang bukan Islam boleh melibatkan diri dalam badan perundangan di Malaysia dengan syarat mereka tidak boleh masuk campur dalam soal hukum-hakam dan undang-undang Islam yang digubal berdasarkan naṣ. Orang-orang bukan Islam boleh melibatkan diri dalam Majlis Mesyuarat yang berhubungkait dengan masalah keduniaan. Misalnya mereka boleh melibatkan diri dalam perbincangan yang berkaitan dengan masalah kewangan negara, perniagaan, perindustrian, merancang kemajuan, peningkatan ilmu pengetahuan dan lain-lain.

Tidak ada sebarang halangan untuk membenarkan golongan bukan Islam menjadi anggota majlis perundangan dalam sesebuah negara Islam apabila penyertaan mereka itu secara jelas memberi faedah dan mendatangkan *maṣlahah* kepada semua orang. Oleh itu kebenaran yang diberikan itu bergantung kepada *maṣlahah al-‘āmmah* dan perlu dipastikan bahawa negara Islam mendapat faedah dari kerjasama tersebut. Cara ini dapat melahirkan kerjasama yang erat di kalangan rakyat pelbagai agama disamping dapat mengambil faedah dari segala bentuk kepakaran yang dimiliki oleh orang-orang bukan Islam tanpa melanggar ketetapan hukum dan undang-undang Islam.

Bagi menjamin keselamatan, keamanan dan kesejahteraan kerajaan Islam calon-calon yang bukan beragama Islam mestilah diwakili oleh orang-orang yang bersifat jujur, amanah, cerdik dan bijaksana dalam menjalankan tugas, tidak melakukan sebarang penipuan, tidak bersifat tamak, tidak mengamalkan rasuah, tidak bermusuhan dengan orang-orang Islam dan menunjukkan kesetiaan serta ketaatan kepada kerajaan Islam.

8.1.2 Peranan Institusi Raja-raja Melayu Terhadap Badan Perundangan Malaysia

Melalui kajian ini didapati bahawa Ketua Negara dan Ketua Negeri-negeri di Malaysia mempunyai gelaran tersendiri seperti gelaran Yang di-Pertuan Agong, Raja, Sultan dan sebagainya. Istilah ini sudah pasti berbeza dengan istilah-istilah yang digunakan dalam Islam seperti *Khalīfah*, *Imām*, *al-Imāmah al-Kubrā*, *Amīr*, *Amīr al-Mu'minīn* dan lain-lain. Mengikut perspektif Islam, penggunaan istilah tertentu bukanlah suatu perkara yang terlalu penting, tetapi yang lebih penting ialah fungsi, peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh ketua negara hendaklah berlandaskan prinsip-prinsip syar'i'ah Islam yang sebenar. Raja-raja di Malaysia sememangnya mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mendaulatkan sistem politik Islam yang sejati dan melaksanakan seluruh syar'i'ah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.

Mengikut apa yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan, YDPA diberi peluang untuk membantu perlaksanaan nilai-nilai Islam dalam badan perundangan Malaysia. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini semua undang-undang yang ingin dilaksanakan di peringkat Persekutuan mestilah terlebih dahulu diperkenankan dan diluluskan oleh Baginda YDPA.²⁹ Baginda mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang yang telah dipersetujui oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Baginda juga diberi masa selama tiga puluh hari untuk memperkenan dan meluluskan rang undang-undang tersebut.³⁰ Di sinilah Baginda mempunyai peluang untuk memberikan teguran terhadap sesuatu draf undang-undang agar ianya selaras dengan tuntutan Islam sebelum ianya disahkan sebagai undang-undang. Selepas baginda mengesahkannya barulah sesuatu Rang Undang-undang itu secara rasmi menjadi undang-undang.³¹

Mengikut ketetapan yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan juga YDPA diberi kuasa untuk melantik calon ahli Dewan Negara dari kalangan orang-orang yang pada pendapatnya telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan Awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat.³² Untuk merealisasikan konsep-konsep Islam YDPA sebaik-baiknya memilih ahli Dewan Negara berdasarkan kepada calon-calon yang berkelayakan mengikut ukuran dan pertimbangan yang di asaskan kepada syari'ah Islam. Ia dapat dilakukan berpandukan kelayakan telah dibincangkan sebelum ini.

Raja-raja Melayu juga mempunyai peranan yang sangat besar iaitu sebagai Ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Raja-raja sepatutnya menggunakan peluang tersebut untuk melaksanakan segala tuntutan yang sepatutnya baginda lakukan mengikut hukum syara'. Begitu juga dengan hak-hak keistimewaan yang diberikan kepada raja-raja boleh digunakan untuk membantu mendaulatkan syari'ah Islam di negara ini. Semasa memperkenankan sesuatu undang-undang baginda hendaklah sedaya upaya mengambil peluang untuk mendaulatkan hukum-hukum Allah s.w.t. Nilai-nilai Islam boleh dilaksanakan sedikit demi sedikit sekadar kemampuan yang ada.

Baginda boleh memerintahkan agar diadakan berbagai-bagai peraturan yang berkaitan dengan agama. Baginda ada kuasa memerintahkan agar setiap negeri menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam agar menjadi penasihat kepada Baginda terhadap perkara-perkara yang ada kaitannya dengan hukum hakam agama dan adat istiadat Melayu.³³ Namun demikian semasa menjalankan tindakan

sebagai ketua agama negeri, Baginda terpaksa mematuhi kehendak-kehendak Perlembagaan Persekutuan dan pada masa tertentu hendaklah menyerahkan kuasa kepada YDPA bagi mewakilinya dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sekiranya Baginda sendiri dilantik menjadi YDPA, Baginda Raja tetap bertanggungjawab sebagai ketua agama bagi negeri masing-masing.³⁴

Selain itu semua perlembagaan negeri-negeri yang mempunyai raja memperuntukkan bahawa pemerintah bagi negeri masing-masing hendaklah seorang raja yang mesti dilantik dari golongan lelaki yang beragama Islam.³⁵ Bahkan didapati Perlembagaan Negeri Perak secara khusus mensyaratkan raja tersebut mestilah beragama Islam dan berpegang kepada mazhab *Syāfi'i*.³⁶ Manakala Perlembagaan Negeri Kelantan, Kedah dan Perlis pula mensyaratkan rajanya mestilah beragama Islam dan berpegang kepada mazhab *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.³⁷ Peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam perlembagaan negeri-negeri berkenaan membuktikan bahawa pengaruh Islam telah lama bertapak dalam institusi Raja-raja Melayu.

Kajian juga mendapati semua perlembagaan negeri-negeri di Malaysia membenarkan seseorang yang bukan keturunan Raja dilantik memegang takhta sebagai Raja. Kebenaran sedemikian diberikan jika tidak ada langsung pewaris tahta yang layak dilantik berdasarkan keturunan. Dalam keadaan sedemikian orang biasa yang bukan keturunan Raja yang akan dilantik mestilah memenuhi beberapa syarat yang bersesuaian dengan kaedah hukum Islam. Sekurang-kurangnya orang tersebut mestilah seorang Lelaki yang cukup umur, sempurna akal, tidak ada

apa-apa kecacatan yang besar, beragama Islam, berbangsa Melayu dan merupakan rakyat kepada Raja negeri yang berkenaan sebelum itu. Dia mestilah dari keturunan yang baik dan diakui telah diperanakkan dengan jalan yang halal, mampu membaca dan menulis dengan sendiri, serta mestilah mempunyai tingkah laku yang baik dan terpuji.³⁸ Peruntukan ini nampaknya banyak terpengaruh dengan syarat-syarat pelantikan ketua negara mengikut perspektif Islam. Alangkah baiknya jika syarat-syarat sedemikian dikenakan kepada semua calon-calon yang akan dilantik menjadi Raja atau Sultan di setiap negeri dalam negara ini.

Setiap perlombagaan negeri termasuk juga *UTKJ* dan *UBDKT* telah menyenaraikan beberapa sifat kekurangan yang menyebabkan seseorang itu tidak layak untuk dilantik menjadi raja. Seseorang itu tidak layak dan tidak boleh dilantik sebagai Raja jika sekiranya dia mempunyai sesuatu cacat yang besar dan berat yang tidak melayakkan dia menjadi Raja seperti gila, buta, bisu atau mempunyai sesuatu sifat yang keji yang kerananya ia tidak diluluskan oleh hukum syarak menjadi seorang Raja pemerintah.³⁹ Syarat-syarat ini bersesuaian dengan konsep Islam dan peruntukan tersebut sebaik-baiknya dimasukkan atau dikekalkan dalam semua perlombagaan negeri-negeri di Malaysia.

Konsep *Raja Mutlak* atau *Raja Berdaulat* berdasarkan nilai-nilai tradisi yang diamalkan secara meluas di Tanah Melayu pada zaman dahulu sudah tidak diamalkan lagi di Malaysia hari ini. Ianya telah bertukar kepada sistem *Raja Berperlombagaan*.⁴⁰ Walaupun pengaruh institusi Raja-raja itu masih ada dalam sistem politik di Malaysia sehingga kini, peranannya sudah jauh berbeza. Fungsi utama raja-raja hari ini ialah sebagai simbol kebangsaan, kesatuan dan

kebersamaan.⁴¹ Itulah matlamat utama sistem pemerintahan Persekutuan yang diamalkan di Malaysia sejak dahulu sehingga kini. Namun demikian sistem Persekutuan yang diamalkan oleh negara Malaysia tidak menggugat kedudukan dan kuasa Raja-raja Melayu. Bahkan sistem tersebut terus menjamin kedudukan dan hak Raja-raja Melayu di negeri masing-masing. Sebab itu Raja-raja Melayu masih mempunyai banyak peluang untuk menggunakan kuasa-kuasa yang ada bagi mendaulatkan syari'ah Islam. Tuntutan *fard kifayah* ini sepatutnya mendapat sokongan dari seluruh rakyat Malaysia khususnya rakyat yang beragama Islam.

Kajian ini juga mendapati banyak peraturan-peraturan yang dipakai di dalam Institusi Raja-raja Melayu di Malaysia hari ini telah dipengaruhi oleh undang-undang adat. Di antara pengaruh undang-undang adat yang masih kuat diamalkan dalam institusi raja-raja Melayu ialah melantik raja secara warisan atau keturunan. Secara umumnya keseluruhan raja-raja di Malaysia kini dilantik berdasarkan zuriat dan keturunan raja-raja yang sebelumnya. Ketetapan sedemikian telah termaktub di dalam semua perlembagaan negeri-negeri di Malaysia. Mengikut aturan biasa di semua negeri, apabila seseorang Raja atau Sultan mangkat, Baginda akan digantikan oleh anak sulung lelaki baginda yang yang masih hidup. Amalan sedemikian merupakan amalan tradisi yang diamalkan secara turun temurun sejak dahulu sampai sekarang. Ia bukannya suatu amalan yang bersumberkan ajaran Islam tetapi lebih merupakan undang-undang adat atau amalan tradisional yang telah dimasukkan ke dalam perlembagaan negeri-negeri.⁴² Selain itu terdapat juga peraturan di setengah-setengah negeri yang membenarkan seseorang yang belum cukup umur untuk dilantik sebagai Raja secara sah dan dia tidak digolongkan ke dalam golongan orang-orang yang ada kecacatan yang besar.⁴³ Amalan tersebut juga merupakan penerusan adat dan tradisi yang diamalkan sebelum ini.

Pengaruh adat dan tradisi dalam institusi raja di Tanah Melayu tidak dihalang atau diganggu oleh kerajaan Inggeris yang menjajah Tanah Melayu sebelum ini. Bahkan di zaman penjajah Inggeris kedaulatan dan kedudukan raja-raja tidak disentuh, sebaliknya raja-raja diberi status kedudukan yang tinggi. Ini terbukti apabila Frank Swettenham telah memperkenalkan Majlis Persidangan Raja-raja Melayu yang lebih terkenal dengan istilah “*Durbar*” pada tahun 1897. Majlis ini berfungsi secara berterusan sehingga namanya telah diubah menjadi Majlis Raja-raja Melayu⁴⁴ apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Di antara fungsi utama Majlis Raja-raja Melayu ialah melantik YDPA sebagai ketua negara Malaysia.⁴⁵

Di antara pengaruh adat yang diamalkan dalam undang-undang di Malaysia ialah raja-raja bagi setiap negeri diberi kuasa untuk memberikan keampunan, menangguh atau meringankan perkara-perkara yang berkaitan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di dalam negeri masing-masing.⁴⁶ Kuasa untuk memberikan keampunan yang diberikan kepada raja-raja ini juga merupakan adat turun temurun yang diwarisi sejak zaman kesultanan Melaka lagi. Buktinya terdapat Undang-undang Melaka yang menjelaskan:

*Adapun syarat segala raja-raja itu atas empat perkara; pertama ampun, kedua murah, ketiga perkasa keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya.*⁴⁷

Teks di atas dengan jelas menyebutkan bahawa syarat pertama yang perlu ada pada diri seseorang raja ialah memberi keampunan kepada rakyatnya. Dengan itu raja-raja dianggap mempunyai kuasa untuk memberi keampunan kepada rakyat yang

melakukan kesalahan. Peruntukan tersebut sepatutnya dinilai semula berpandukan prinsip Islam dan dibuat suatu peruntukan baru yang lebih sesuai dengan prinsip-prinsip Islam.

Mengikut fahaman adat juga raja-raja dianggap sebagai pancuran kemuliaan, pancuran keadilan, pancuran rahmat dan pengawal adat-adat Melayu.⁴⁸ Oleh itu Raja boleh menganugerahkan pelbagai gelaran, pingat kemuliaan, pangkat-pangkat dan darjat kebesaran kepada orang lain.⁴⁹ Baginda juga berkuasa melantik waris atau waris-waris, Permaisuri atau Raja Perempuan, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja. Begitu juga Baginda boleh melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas berkenaan dengannya. Begitu juga membuat peraturan-peraturan mengenai balai-balai diraja, istana-istana dan lain-lain.⁵⁰ Oleh itu perkara-perkara lain yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak termasuklah penganugerahan pangkat-pangkat kebesaran, termasuklah juga menubuh, mengatur, menetap dan melucutkan pangkat-pangkat mengikut adat Melayu.⁵¹

Kajian ini juga mendapati beberapa peruntukan yang terdapat di dalam perlembagaan negeri-negeri di Malaysia kini masih menganggap Raja negeri masing-masing mempunyai kedaulatan dan kehebatan dalam negerinya. Kedaulatan tersebut juga dianggap telah sebatи dalam tubuh badan Raja yang memerintah.⁵² Selain itu perlembagaan Persekutuan juga menjelaskan beberapa keistimewaan raja-raja di setiap negeri. Baginda raja dianggap telah mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam negerinya sendiri.⁵³ Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan juga menegaskan, kedaulatan yang ada pada raja-raja Melayu tidak boleh dihalang

atau diganggu oleh sesiapa pun.⁵⁴ Konsep penghormatan khusus kepada raja yang memerintah masih lagi diamalkan dalam institusi raja di Malaysia. Misalnya gelaran Duli Yang Maha Mulia masih lagi digunakan kepada YDPA , raja-raja dan Sultan yang memerintah di setiap negeri. Gelaran tersebut digunakan semata-mata sebagai suatu penghormatan kepada raja yang sedang memerintah. Adalah diharapkan ianya suatu penghormatan semata-mata, tidak digunakan secara berlebihan sehingga bertentangan dengan konsep Islam yang sebenar.

Semua isi perlembagaan negeri yang ada hubungan dengan institusi dan diri Raja sebagaimana yang dijelaskan di atas hanya boleh dipinda oleh Baginda Raja setelah berbincang dengan sesebuah institusi yang menjadi penasihat kepada Baginda. Ianya tidak boleh dipinda dengan sebarang cara yang lain. Setiap Negeri mempunyai badan khas atau Majlis masing-masing yang berfungsi sebagai penasihat, penolong Raja, menguruskan dan membantu Raja masing-masing dalam menjalankan kewajipannya.

8.1.3 Jemaah Menteri Dan Hubungkaitnya Dengan Badan Perundangan Malaysia

Apa yang diperolehi dari kajian di dalam bab tiga disertasi ini ialah mengikut *UTKJ* Menteri Besar dan Jemaah Menteri yang ada pada zaman itu telah terlibat secara langsung sebagai anggota badan perundangan di negeri Johor. Terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang menegaskan bahawa peranan utama Menteri besar dan Jemaah Menteri adalah sebagai pembantu kepada Raja yang sedang memerintah.⁵⁵ *UTKJ* juga memperuntukan agar raja hendaklah menerima nasihat dan segala pandangan yang dikemukakan oleh para menteri khususnya bagi perkara-perkara yang ada hubungannya dengan kepentingan negeri dan rakyat.⁵⁶

Semua menteri-menteri di negeri Johor pada masa itu dianggap sebagai anggota Jemaah Menteri⁵⁷ dan pada masa yang sama juga mereka adalah sebagai ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Majlis Mesyuarat Kerajaan pula mengambil peranan sebagai sebuah badan perundangan rasmi sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab empat disertasi ini. Oleh itu tidak syak lagi semua menteri-menteri, termasuk Menteri Besar Johor adalah tergolong dalam kalangan anggota badan perundangan yang rasmi bagi negeri Johor. Namun demikian apabila diteliti, syarat perlantikan menteri-menteri mengikut *UTKJ* tidaklah sampai ketahap syarat-syarat yang mesti ada pada seseorang *Wazir al-Tafwid* atau *Wazir al-Tanfidh*. Menteri-menteri yang hendak dilantik itu cuma disyaratkan seorang yang berbangsa Melayu, rakyat negeri Johor, beragama Islam⁵⁸ dan dilantik oleh Baginda sultan.⁵⁹

Keadaan yang sama juga berlaku di negeri Terengganu. Mengikut *UBDKT* tugas utama Menteri Besar dan menteri-menteri ialah menjadi penolong dan timbalan yang khas kepada raja dalam semua urusan. Apabila seseorang menteri itu dilantik dan ditentukan fungsinya, maka terserahlah kepadanya segala tugas dan tanggungjawab yang dinyatakan itu kepada dirinya. Semua menteri terlibat sebagai anggota Jemaah Menteri yang diketuai oleh Menteri Besar. Mengikut *UBDKT* jumlah bilangan menteri-menteri mestilah tidak kurang dari lapan orang dan tidak lebih dari dua belas orang. Ketua bagi semua menteri-menteri tersebut ialah Menteri Besar yang memainkan peranan sebagai ketua Majlis Mesyuarat Kerajaan. Oleh kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan Terengganu juga merupakan sebuah badan perundangan sebagaimana yang dijelaskan dalam bab empat disertasi ini maka semua anggota Jemaah Menteri yang menjadi anggota Majlis Mesyuarat tersebut adalah dianggap sebagai anggota badan perundangan bagi negeri Terengganu pada masa itu. Mengikut *UBDKT* seseorang menteri yang dilantik mestilah seorang rakyat Terengganu yang beragama Islam.⁶⁰

Kajian ini mendapati walaupun UTKJ dan UBDKT tidak mewajibkan status kedudukan Menteri Besar dan Jemaah Menteri itu setaraf dengan kedudukan *Wazīr al-Tafwid* atau *Wazīr al-Tanfidh* kedua-dua perlembagaan tersebut telah berjaya menetapkan peraturan bahawa semua menteri hendaklah beragama Islam dan beramal dengan nilai-nilai Islam. Apa yang penting ialah usaha murni telahpun dilakukan pada masa itu, iaitu mereka berikhtiar untuk mengamalkan sistem bermesyuarat (*al-syūrā*) dan telah menonjolkan konsep *ahl al-ḥal wa al-'aqd* supaya diamalkan di negeri Johor dan negeri Terengganu. Usaha murni ini boleh dijadikan tauladan kepada jenerasi kini dan akan datang.

Beralih pula kepada kedudukan Jemaah Menteri dalam kerajaan Persekutuan di Malaysia hari ini. Secara asasnya sistem pemerintahan kerajaan Malaysia mempunyai tiga komponen utama iaitu badan perundangan (*legislative*) yang bertugas menggubal undang-undang. Seterusnya badan pemerintah (*executive*) yang menjalankan tugas pentadbiran dan tidak boleh membuat undang-undang dan penghakiman. Satu badan lagi ialah badan kehakiman yang hanya menjalankan penghakiman dan tidak boleh membuat undang-undang atau menjalankan kuasa eksekutif.⁶¹

Mengikut perkara 39 dan perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, Jemaah Menteri adalah termasuk di bawah bidangkuasa badan pemerintah (*executive*) yang dinaungi oleh YDPA. YDPA diberikan kuasa untuk melantik anggota Jemaah Menteri yang berperanan untuk menasihatkan baginda dalam menjalankan tugas sebagai ketua negara.⁶² Jemaah Menteri yang dinaungi oleh

YDPA itu dianggotai oleh PM selaku ketuanya, dan beberapa orang menteri lain yang dilantik oleh Baginda YDPA atas nasihat PM.⁶³ Anggota Jemaah Menteri yang dilantik biasanya terdiri dari anggota Dewan Rakyat iaitu wakil-wakil rakyat yang memenangi pilihanraya dan juga ahli-ahli Dewan Negara, iaitu mereka yang dilantik oleh kerajaan dan juga YDPA. Majoriti ahli-ahlinya adalah daripada Dewan Rakyat berbanding dengan Dewan Negara. Menteri-menteri berkenaan merupakan anggota Parlimen samada sebagai seorang ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Negara.⁶⁴

Memang tidak dapat dinafikan peranan asal Jemaah Menteri ialah sebagai badan penggerak kepada kuasa eksekutif. Ia merupakan sebuah badan induk diperingkat pusat (Malaysia) yang bertindak menggerakkan seluruh jentera pentadbiran di peringkat Persekutuan melalui saluran kementerian dan jabatan-jabatan yang telah ditubuhkan. Pada dasarnya Jemaah Menteri sebenarnya bukan sebuah badan perundangan dan tidak mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang negara, tetapi ia adalah sebuah badan pemerintahan yang bertugas menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negara berasaskan keputusan yang telah dibuat di Parlimen.

Walaubagaimanapun realiti semasa yang berlaku di Malaysia menyaksikan bahawa dari segi perlaksanaannya menteri-menteri yang terlibat sebagai anggota badan pemerintahan yang berada dalam Jemaah Menteri pada masa yang sama telah mengambil peranan dan terlibat secara aktif sebagai anggota badan perundangan di Parlimen. Sebagai contohnya Tan Sri Khalil Yaakob yang dilantik sebagai anggota Jemaah Menteri iaitu Menteri Penerangan⁶⁵ pada 10 haribulan

Disember 1999 merupakan seorang ahli Parlimen (Dewan Rakyat) yang mewakili kawasan Kuantan (P. 78).⁶⁶ Begitu juga Datuk Seri S. Samy Vellu yang memegang jawatan Menteri Kerja Raya pada masa yang sama terlibat dalam badan perundangan selaku wakil rakyat bagi kawasan Sungai Siput Perak (P. 59).⁶⁷ Begitu juga Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed, walaupun beliau bukan seorang wakil rakyat yang dipilih dalam pilihanraya umum, beliau kemudiannya telah dilantik menjadi anggota Parlimen (Dewan Negara) sebagai seorang Senator.⁶⁸ Begitu juga realiti yang berlaku kepada semua menteri-menteri yang lain.

Kenyataan di atas membuktikan bahawa walaupun para menteri tidak menganggotai badan perundangan atas nama Jemaah Menteri, tetapi realiti yang berlaku semua menteri adalah merupakan seorang ahli Parlimen secara pribadi. Oleh kerana Jemaah Menteri adalah terdiri dari ahli-ahli parlimen, maka mereka sentiasa bertindak mempertahankan segala keputusan yang telah dibuat di Parlimen. Biasanya Jemaah Menteri itu dilantik dari kalangan anggota parti yang sama atau anggota dalam gabungan parti yang sama. Oleh itu Jemaah Menteri di Malaysia dan sebahagian dari ahli-ahli Parlimen yang ada merupakan orang yang sama atau anggota parti yang sama. Mereka telah bertindak untuk sokong menyokong di antara satu sama lain dalam aspek pemerintahan. Ahli-ahli parti pembangkang biasanya tidak diberi peluang menganggotai Jemaah Menteri. Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa konsep pemisahan kuasa di antara badan perundangan dan badan pemerintahan sebenarnya tidak berlaku di Malaysia. Seseorang PM dan juga menteri-menteri lain yang menganggotai Jemaah Menteri masih lagi terlibat secara langsung sebagai anggota badan perundangan samada sebagai ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Negara dan bergiat cergas di Parlimen.

8.1.4 Status Kedudukan *Wazir Al-Tafwid* Dalam Negara Islam Dan Perdana Menteri Malaysia.

Berdasarkan beberapa pandangan para sarjana politik Islam seperti al-Mäwardi, Abū Ya'lā, Ibn Khaldūn dan lain-lain menteri yang terlibat secara langsung sebagai anggota badan perundangan dalam sesebuah negara Islam ialah *Wazir al-Tafwid*.⁶⁹ Sebabnya ialah bidangkuasa yang diberikan oleh Islam kepada seseorang *Wazir al-Tafwid* adalah berbentuk mutlak dan menyeluruh dalam pelbagai urusan pemerintahan dan merangkumi keseluruhan daerah dalam negara Islam. Dia diberikan kuasa penuh yang sempurna untuk berijtihād menguruskan urusan-urusan tersebut dengan pendapatnya sendiri,⁷⁰ tanpa perlu lagi merujuk kepada ketua negara,⁷¹ kerana beliau merupakan orang yang menerima wakil sepenuhnya dari ketua negara Islam. Kuasa yang dimiliki oleh *Wazir al-Tafwid* adalah termasuk dalam masalah *al-wakālah 'āmmah* di mana menteri itu di beri kuasa penuh untuk menguruskan pelbagai urusan mengikut pandangannya yang munasabah.⁷²

Wazir al-Tafwid terlibat secara langsung sebagai penggubal dasar, polisi dan undang-undang dalam sesebuah negara Islam. Beliau dibenarkan untuk membuat keputusan terhadap sesuatu perkara melalui *ijtihādnya*. Kuasa yang diberikan itu bersesuaian dengan syarat-syarat pelantikannya iaitu beliau mestilah seorang menteri yang bertaraf *mujtahid*. Oleh kerana beliau mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan melaksanakan semua kerja-kerja, maka beliau mempunyai hak untuk diikuti dan dipatuhi oleh rakyat⁷³ dalam negara Islam. Sebuah negara Islam hanya boleh melantik seorang sahaja *Wazir al-Tafwid*. Jika ada lagi menteri-menteri lain dalam negara tersebut menteri-menteri lain itu hanyalah dikira sebagai *Wazir al-Tanfidh* sahaja. Hakikat sebenarnya kedudukan kedua-dua jawatan tersebut sangat berbeza kerana cara dan syarat-syarat pelantikan kedua-duanya tidak sama.

Mengikut konsep politik Islam *Wazīr al-Tanfidh* tidak dilibatkan sebagai anggota badan perundangan. Mereka hanya dianggap sebagai orang perantaraan di antara ketua negara dan rakyatnya. Peranannya tidak lebih dari melaksanakan arahan *khalīfah*, dan dia sendiri tidak boleh membuat sesuatu ketetapan secara persendirian. Beliau tidak ada kuasa yang bebas, bahkan terikat dengan pandangan serta *ijtihād* ketua negara dan *Wazīr al-Tafwid*.⁷⁴ Pendek kata peranan mereka hanya sekadar menjadi anggota badan pemerintah (*executive*) yang bertanggungjawab melaksanakan segala ketetapan yang diputuskan oleh ketua negara dan badan perundangan.

Dr. Sulaymān Muḥammad al-Tamāwī menjelaskan, mengikut pandangan para sarjana politik Islam, taraf dan kedudukan *Wazīr al-Tafwid* adalah hampir sama seperti jawatan Perdana Menteri (selepas ini disebut PM) bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dalam sistem politik moden hari ini.⁷⁵ Dalam konteks negara Malaysia proses perlantikan PM bermula sebaik sahaja sesebuah parti berjaya mendapat kemenangan dalam pilihanraya umum. Perlantikan PM dilakukan secara rasmi mengikut budibicara YDPA. Biasanya ketua parti yang menang, yang mendapat kepercayaan majoriti akan dipanggil mengadap Yang di-Pertuan Agong (selepas ini disebut YDPA) dan baginda akan memperkenankan beliau sebagai PM yang baru.⁷⁶ Mengikut tradisi pengamalan kerajaan Malaysia seseorang PM dilantik dari kalangan anggota Parlimen dari Dewan Rakyat bukannya Dewan Negara.⁷⁷ Jadi beliau adalah seorang ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat bukannya dari kalangan orang yang dilantik oleh pihak pemerintah.⁷⁸ Oleh itu PM secara rasminya merupakan salah seorang anggota badan perundangan di peringkat persekutuan. Begitu juga beliau mestilah seorang Warganegara Persekutuan yang sah dan bukan seorang warganegara secara masukan (naturalisasi) atau dengan cara pendaftaran.⁷⁹

Peranan utama PM Malaysia ialah menjadi ketua kepada Jemaah Menteri dan berperanan untuk memberi nasihat kepada YDPA dalam menjalankan tugas-tugasnya terhadap kerajaan.⁸⁰ Di antara tugas-tugas PM dalam kerajaan ialah menentukan nama-nama anggota kabinet, menentukan portfolio menteri-menteri yang dilantik, memaklumkan kepada YDPA segala keputusan mesyuarat kabinet, menyelaraskan dasar-dasar kerajaan, menyelia kerja dan tugas para menteri, menyelesaikan pertikaian antara kerajaan jika ada, mempengarusikan mesyuarat kabinet, menjadi jurucakap utama dalam hal-hal negara dan membentuk perhubungan antarabangsa dengan negara-negara luar.⁸¹

Apabila dibuat analisa dan perbandingan kedudukan PM di Malaysia tidak boleh disamakan dengan status dan fungsi *Wazīr al-Tafwīd* dalam kerajaan Islam. Syarat-syarat yang sepatutnya dimiliki oleh seorang *Wazīr al-Tafwīd* tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai syarat kepada seorang PM. Misalnya syarat-syarat asasi seperti Islam, lelaki, merdeka, berakal dan sampai umur tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai syarat seseorang PM. Begitu juga syarat-syarat lain seperti bersifat adil, berilmu, sempurna pancaindera dan anggota badan, menguasai ilmu politik pentadbiran dan lain-lain tidak diperuntukkan. Ini bermakna jawatan tersebut boleh disandang oleh orang-orang yang bukan Islam dan juga orang-orang tidak melengkapi syarat-syarat sebagai seorang *Wazīr al-Tafwīd*. Kesimpulannya jawatan PM dalam kerajaan Malaysia tidak boleh disamakan dengan jawatan *Wazīr al-Tafwīd* dalam kerajaan Islam.

8.1.5 Pengaruh Barat Terhadap Keanggotaan Dalam Badan Perundangan Di Malaysia

Kajian ini mendapati pengaruh barat terhadap keanggotaan dalam badan perundangan di Malaysia bermula secara rasmi selepas termeterai Perjanjian Pangkor pada 20 haribulan Januari tahun 1874. Pengaruh tersebut tersebar dengan cepat melalui campurtangan Inggeris dalam pentadbiran dan politik di Tanah Melayu. Di peringkat awal pihak penjajah telah menubuhkan badan perundangan di beberapa buah negeri tertentu sahaja. Badan tersebut dinamakan sebagai Majlis Mesyuarat Negeri. Di antara Majlis Mesyuarat Negeri yang terawal di perkenalkan oleh penjajah Inggeris ialah Majlis Mesyuarat negeri Perak dan Selangor (1877). Selepas itu dengan pengaruh dan bimbingan penjajah Inggeris beberapa buah negeri lain telah bertindak menubuhkan badan perundangan di negeri masing-masing.

Kerajaan Inggeris juga telah berjaya memujuk Raja-raja Melayu yang terdiri dari sultan Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang untuk menerima sistem pemerintahan Persekutuan di Tanah Melayu (1895).⁸² Gabungan keempat-empat buah negeri itu diistilahkan sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau “Federated Malay States”⁸³ Kewujudan Negeri-negeri Melayu Bersekutu itu seterusnya telah mendorong penjajah Inggeris menubuhkan sebuah badan perundangan di peringkat Persekutuan yang di namakan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Majlis Mesyuarat Persekutuan telah ditubuhkan secara rasmi selepas termeterainya Perjanjian Perlombagaan Majlis Mesyuarat Persekutuan⁸⁴ pada 20

haribulan Oktober tahun 1909.⁸⁵ Majlis Mesyuarat yang telah ditubuhkan itu sentiasa berada di bawah pengaruh dan seliaan Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu.⁸⁶ Oleh itu pihak penajah Inggeris telah menguasai sepenuhnya badan perundangan tersebut sejak ianya ditubuhkan sehingga ia terbubar apabila berlakunya Perang Dunia Kedua pada awal tahun empat puluhan.

Selepas Perang Dunia Kedua sebuah lagi badan perundangan telah diperkenalkan oleh penajah Inggeris iaitu Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union.⁸⁷ Namun demikian keseluruhan rancangan Malayan Union telah mendapat tentangan hebat dari orang-orang Melayu dan ianya terpaksa dibubarkan pada hari Selasa 27 haribulan Januari 1948.⁸⁸ Dengan itu Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union yang di taja oleh penajah Inggeris boleh dikatakan tidak berjaya untuk bertindak sebagai badan perundangan di Tanah Melayu.

Namun semikian selepas itu pihak penajah Inggeris telah sekali lagi membuat perjanjian dengan Raja-raja Melayu untuk menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu. Perjanjian tersebut dinamakan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948⁸⁹. Hasil dari perjanjian itu tertubuhlah sebuah badan perundangan yang baru di peringkat pusat yang dinamakan “Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu”⁹⁰ atau *The Legislative Council of The Federation of Malaya*.⁹¹ Badan perundangan yang dianggotai oleh tujuh puluh enam orang itu masih lagi berada di bawah arahan dan pengaruh penajah Inggeris dari tahun 1948 hingga ia dibubarkan pada bulan Ogos 1955.

Seterusnya pada 27 haribulan Julai 1955 pilihanraya kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan.⁹² Hasil dari pilihanraya tersebut saiz Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu menjadi semakin besar di mana jumlah ahli-ahlinya telah bertambah kepada 99 orang.⁹³ Namun demikian Badan Perundangan Persekutuan yang menjalankan tugas pada masa itu secara berterusan berada di bawah naungan dan bimbingan kerajaan Inggeris.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (1957) bentuk dan sistem badan perundangan sebagaimana yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris terus diamalkan di Malaysia sehingga ke hari ini. Perubahan demi perubahan telah banyak berlaku, namun demikian pengamalannya masih lagi terikat dengan kaedah dan peraturan yang diwarisi dari penjajah Inggeris sebelumnya. Kini ia bergelar Parlimen Malaysia. Komposisi dan amalan badan tersebut sentiasa terikat kepada undang-undang yang ada terutamanya Perlumbagaan Persekutuan. Untuk mengIslamisasikan institusi Parlimen Malaysia, undang-undang yang berkaitan dengannya terutama Perlumbagaan Persekutuan yang ada hendaklah diperbaiki dari masa ke semasa berpandukan nilai-nilai keIslamahan. Apa yang perlu ialah pengukuhan usaha di pihak kerajaan dan umat Islam di Malaysia untuk bertindak mengIslamisasikan undang-undang negara. Moga-moga cita-cita sedemikian sentiasa bersemarak di hati umat Islam dan kerajaan negara ini.

8.1.6 Kewajipan Umat Islam Menubuhkan Badan Perundangan

Kajian mendapati banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menuntut agar umat Islam berusaha bersungguh-sungguh menubuhkan badan perundangan berasaskan prinsip-prinsip Islam. Di antara ayat-ayat yang ada kaitan dengan tuntutan tersebut ialah dari ayat-ayat dari Sūrah al-Baqarah (2) ayat 143, Al 'Imrān (3) ayat 104, al-Nisā' (4) ayat 59, al-Nisā' (4) ayat 80, al-Mā'idah (5) ayat 35, al-Mā'idah (5) ayat 44, al-Mā'idah (5) ayat 45, al-Mā'idah (5) ayat 47, al-A'rāf (7) ayat 181, al-Tawbah (9) ayat 40 dan lain-lain lagi. Tuntutan yang terdapat di dalam maksud ayat-ayat tersebut juga disokong oleh beberapa hadith sahīh yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari,⁹⁴ al-Imam Muslim,⁹⁵ al-Imām al-Tirmidhī,⁹⁶ Ibn Mājah,⁹⁷ al-Nasā'i⁹⁸ dan lain-lain.

Buat masa ini belum terbentuk sebuah badan perundangan yang benar-benar bertepatan dengan konsep syar'i'ah sepihiknya yang pernah berlaku di zaman para sahabat. Sememangnya dalam dunia moden sekarang bilangan umat Islam sangat ramai, tetapi mereka kurang prihatin dalam soal perundangan negara. Sikap tersebut sepatutnya diubah dengan segera, tindakan segera ke arah penubuhan badan perundangan berasaskan konsep Islam hendaklah dilakukan. Oleh kerana tidak ada sebuah badan perundangan yang betul-betul melaksanakan konsep syar'i'ah, sebahagian besar umat Islam didapati

telah terpengaruh dengan sistem perundangan sekular. Contohnya mereka terpaksa mengikut sistem perundangan ala demokrasi yang berteraskan fahaman sekular barat dan meninggalkan sistem Islam yang sudah pasti kebenarannya. Akhirnya mereka merasakan sistem demokrasi barat itu adalah sistem yang terbaik, sebaliknya menganggap sistem Islam tidak mampu menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul.

Kewujudan negara dan kerajaan yang betul-betul ingin mengamalkan prinsip-prinsip Islam merupakan faktor yang paling penting bagi membentuk badan perundangan Islam. Dalam sejarah negara-negara Islam persoalan undang-undang Islam dapat diselesaikan dengan baik apabila adanya badan perundangan dalam sebuah negara Islam yang berdaulat. Bila ada negara dan kerajaan, segala tuntutan kenegaraan yang dikehendaki oleh Islam dapat dilaksanakan dengan baik. Tanpa kerajaan yang berpegang kepada konsep Islam, perlaksanaan undang-undang Islam juga akan tersekat kerana tidak ada pertubuhan yang mampu menguatkuasakan undang-undang ke atas rakyat. Oleh itu selagi kerajaan Islam masih belum wujud, tugas mendirikan sebuah kerajaan Islam adalah menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam. Bila ada kerajaan Islam akan terbentuklah sebuah badan perundangan Islam yang bercirikan Islam dan akan menggubal undang-undang berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

8.2 CADANGAN

Berdasarkan kepada beberapa rumusan yang telah dijelaskan di atas, dapatlah dibuat cadangan-cadangan berikut:

- 8.2.1 Dicadangkan supaya individu yang hendak dilantik sebagai anggota badan perundangan Malaysia mestilah dari kalangan mereka yang mempunyai pencapaian akademik yang baik selain daripada pengalaman yang luas. Ini kerana pengukuran tahap keilmuan pada zaman moden ini boleh dirujuk kepada tahap pencapaian akademik yang diperolehi oleh seseorang individu. Begitu juga dengan keanggotaan para ‘ulamā’ dan ahli perundangan Islam dalam badan perundangan Malaysia amat diperlukan bagi memastikan perjalanan dan segala keputusan yang dihasilkan tidak bertentangan dengan kehendak syara’. Selaras dengan itu konsep keilmuan juga hendaklah dikembangkan pengertiannya supaya tidak terbatas kepada ilmu agama sahaja, malah ia hendaklah merangkumi pelbagai bentuk kepakaran dan kemahiran yang dapat dimanfaatkan bagi membantu badan perundangan Malaysia melaksanakan tugasnya. Oleh itu keahlian badan perundangan hendaklah meliputi individu-individu yang pakar dalam bidang agama, kemasyarakatan, ekonomi, perundangan moden dan perbandingan serta pelbagai lagi cabang ilmu lain yang boleh bekerjasama dalam menghasilkan satu keputusan perundangan yang terbaik. Peluasan makna keilmuan disini adalah sesuatu yang bertepatan dengan prinsip dan semangat syari‘ah Islamiyyah sendiri sesuai dengan fungsi badan perundangan yang pelbagai, memandangkan keperluan umat yang semakin kompleks.⁹⁹

- 8.2.2 Syarat-syarat keanggotaan dalam badan perundangan sebagaimana yang digariskan oleh Islam sepatutnya menjadi panduan utama dalam pemilihan anggota badan perundangan di negara ini. Syarat-syarat tersebut telahpun dijelaskan secara ditil dalam bab dua tesis ini.¹⁰⁰ Syarat-syarat yang disebut oleh Perlembagaan Persekutuan dan perlembagaan negeri-negeri seperti warganegara Malaysia, berumur dua puluh satu tahun keatas, tidak gila, tidak maflis dan lain-lain¹⁰¹ masih belum memadai untuk menghasilkan anggota badan perundangan Islam di Malaysia. Adalah dicadangkan syarat-syarat kelayakan anggota badan perundangan berasaskan konsep Islam sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini dimasukkan kedalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri.
- 8.2.3 Selain itu Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri hendaklah terlebih dahulu dipinda bagi memberi laluan kepada pengamalan konsep dan nilai-nilai Islam dalam badan perundangan di Malaysia. Sebaik-baiknya biarlah perlembagaan itu sendiri yang menjadi pendorong ke arah pengamalan prinsip-prinsip Islam dalam menentukan anggota badan perundangan negara. Mana-mana peruntukan yang berbeza atau bercanggah dengan konsep syari'ah hendaklah diperbetulkan atau dimansuhkan. Perlembagaan yang ada sebaik-baiknya disemak semula oleh pakar undang-undang Islam untuk diperbaiki bagi memberi laluan kepada usaha penggubalan dan pengamalan undang-undang berlandaskan al-Qur'an, al-Sunnah, *ijmā'*, *al-qiyās* dan lain-lain. Konsep dan nilai-nilai Islam hendaklah diberi keutamaan dalam penggubalan perlembagaan negara. Apabila usaha sedemikian boleh dilakukan barulah sebahagian besar pengamalan konsep dan nilai-nilai Islam dapat dilaksanakan dalam badan perundangan di Malaysia.

- 8.2.4 Suatu cadangan kepada para pemimpin yang beragama Islam di Malaysia, terutamanya yang sedang melibatkan diri sebagai anggota badan perundangan Malaysia, hendaklah berusaha sedaya upaya menggubal pelbagai undang-undang selaras dengan tuntutan agama Islam yang sejati. Langkah pertama yang perlu dilaksanakan ialah melaksanakan undang-undang Ilahi yang terdapat di dalam naṣ al-Qur’ān dan al-Sunnah. Seterusnya mendorong dan memberi peluang kepada umat Islam yang berkemampuan untuk berusaha menggubal undang-undang bagi menyelesaikan pelbagai masalah baru yang hukumnya tidak terdapat secara jelas dalam naṣ-naṣ al-Qur’ān dan al-Sunnah. Syarī‘ah Islam sememangnya memberi peluang seluas-luasnya kepada para pemerintah untuk membentuk badan perundangan berasaskan realiti semasa mengikut kesesuaian masa, tempat dan keperluan sesebuah kerajaan. Usaha ini sepatutnya disokong oleh itu para ‘ulamā’ dan cerdik pandai Islam dengan mengumpulkan usaha dan tenaga bagi membentuk badan perundangan Islam yang mampu menangani pelbagai masalah yang timbul di dalam negara. Adalah tidak wajar sekiranya undang-undang Islam tidak disusun, tidak diolah dan tidak dilaksanakan selaras dengan perkembangan semasa. Seluruh umat Islam hari ini sepatutnya mempunyai rasa tanggungjawab untuk membentuk badan perundangan berasaskan konsep Islam yang sejati.
- 8.2.5 Kebebasan bersuara dan kebebasan memberikan pendapat oleh ahli-ahli di Parlimen dan di Dewan Undangan Negeri sepatutnya hendaklah berpandukan syarī‘ah dan hukum-hakam Islam. Kebebasan mutlak yang diberikan kepada anggota badan perundangan tanpa sebarang kawalan boleh menyebabkan berlakunya penyelewengan dalam penggubalan undang-

undang. Keadaan tersebut adalah bertentangan dengan konsep Islam yang sebenar. Oleh itu suatu peruntukan undang-undang hendaklah digubal bagi dijadikan panduan kepada pengubal undang-undang agar pandangan mereka tidak bercanggah dengan hukum hakam Islam yang sebenar.

- 8.2.6 Di Malaysia usaha dakwah kepada umat Islam sendiri perlu dipertingkatkan agar mereka bersedia menerima kaedah pembentukan badan perundangan mengikut perspektif Islam dan rela mematuhi hukum hakam Islam sebagai peraturan hidup bernegara. Dakwah juga perlu dilakukan kepada orang-orang yang bukan Islam supaya mereka memahami prinsip asas ajaran Islam yang akan memberi keadilan kepada semua orang. Penerangan yang jelas dengan cara yang baik dan sopan akan memberikan kesan yang mendalam terhadap diri orang-orang yang bukan Islam untuk bersedia menerima sistem-sistem Islam yang baik itu sebagai landasan hidup bernegara.
- 8.2.7 Kerajaan Malaysia sepatutnya menilai kembali sistem dan kaedah perjalanan badan perundangan yang telah diperkenalkan oleh penjajah Inggeris di negara ini. Penilaian semula tersebut hendaklah dibuat berdasarkan konsep Islam dengan memberi keutamaan kepada semua orang termasuklah rakyat yang beragama Islam dan bukan Islam. Segala undang-undang, peraturan dan sistem pentadbiran yang baik dan tidak bertentangan dengan hukum hakam Islam boleh terus diamalkan. Sebaliknya undang-undang yang bercanggah dengan hukum hakam Islam dan sistem yang tidak mendatangkan kebaikan kepada negara ini hendaklah ditinggalkan. Alangkah baiknya jika sistem pemerintahan demokrasi berparlimen yang berdasarkan sekular barat dapat ditukar kepada sistem *syūrā* yang pasti mendatangkan kebaikan kepada semua rakyat di negara ini.

8.2.8 Kaedah *ijtihād* yang telah dilaksanakan dalam kerajaan Islam suatu masa dahulu sepatutnya diteruskan oleh umat Islam terkemudian. Tabi‘at mengikut (*taqlid*) keputusan *ijtihād* yang telah dibuat oleh ‘ulamā’ terdahulu boleh menyebabkan umat Islam menjadi beku dan kaku, tidak mampu menyelesaikan segala masalah semasa yang baru timbul. Bagi permasalahan yang baru timbul, penyelesaian sepatutnya hendaklah dibuat pada masa sekarang.¹⁰² Kebenaran yang diberi oleh Islam kepada umatnya untuk ber*ijtihād* sekadar kemampuan mereka adalah mempunyai hikmat yang sangat berguna. Di antara hikmatnya ialah melatih umat Islam supaya berfikir sendiri soal kepentingan hidup mereka. Dengan sikap suka berfikir, ber*ijtihād* dan berusaha mencari pelbagai penyelesaian, diharapkan umat Islam mampu mengatasi fahaman sekular yang telah mempengaruhi sistem dan amalan badan perundangan di Malaysia.

Dengan kewujudan prinsip *ijtihād* dalam Islam, jalan masih lagi terbuka kepada sarjana-sarjan Islam di zaman ini untuk menyelaraskan konsep-konsep tersebut dengan perubahan politik dan sosial yang agak kompleks di Malaysia. Apa yang perlu dilakukan ialah menggabungkan antara prinsip-prinsip Islam yang kekal dengan segala perubahan yang sedang berlaku. Oleh itu para sarjana Islam pada zaman ini perlu mengembangkan kembali keupayaan intelektual mereka dengan cara yang lebih tersusun supaya dapat mengembalikan semula pengamalan nilai-nilai Islam dalam kehidupan bernegara. Langkah-langkah sewajarnya patut juga diambil oleh seluruh umat Islam bagi melahirkan para ‘ulamā’ yang layak ber*ijtihād* dalam persoalan politik semasa dan undang-undang. Selagi

- terdapat permasalahan *ijtihādiyyah* yang tidak dapat diselesaikan selagi itulah wajib ke atas seluruh umat Islam berusaha melahirkan para *mujtahid* yang mampu menyelesaikan hukum-hakam Islam dan melaksanakannya dalam kehidupan bernegara.
- 8.2.9 Syarat-syarat perlantikan ketua negara dan anggota badan perundangan di Malaysia patut disemak semula agar perlantikan mereka sesuai dengan kehendak syari'ah Islam. Antara syarat-syarat ketua negara Islam mestilah beragama Islam, merdeka, lelaki, berakal dan sampai umur. Beliau mestilah bersifat adil dengan memenuhi syarat-syaratnya, mempunyai ilmu pengetahuan yang mencapai taraf sebagai seorang *mujtahid*, khususnya dalam masalah yang ada kaitan dengan hukum hakam.¹⁰³ Disampin itu beliau mestilah sempurna anggota badan, pancaindera dan tidak ada sebarang kecacatan. Melalui sistem pemerintahan raja berpelembagaan yang diamalkan di Malaysia hari ini adalah diharapkan segala tuntutan syari'ah Islam dapat dilaksanakan semampu mungkin agar kedaulatan Islam dapat dikembalikan semula.
- 8.2.10 Pengaruh adat dan tradisi dalam institusi raja-raja Melayu yang bercanggah dengan konsep Islam hendaklah dihapuskan. Sebagai alternatif amalan hidup berlandaskan hukum Islam hendaklah terus diamalkan. Islam tidak menghalang untuk mengadakan peruntukan khas bagi menjamin kedudukan istimewa raja-raja, tetapi peruntukan tersebut janganlah sampai melanggar batas-batas hukum syara'. Begitu juga soal pemilihan dan perlantikan raja-raja mestilah dibuat berpandukan kaedah yang telah disarankan oleh syari'ah Islam. Adat-adat lama yang diwarisi dari jenerasi sebelumnya yang bercanggah dengan hukum Islam seperti penghormatan kepada raja secara

berlebihan dan melampau wajiblah ditinggalkan. Sebaliknya usaha perlu dilakukan oleh semua pihak bagi melahirkan ketua negara yang berwibawa dari semua sudut berdasarkan nilai-nilai Islam yang sebenar.

8.2.11 Undang-undang khas sepatutnya digubal secara jelas bagi menjamin kebebasan badan perundangan dan melindungi institusi tersebut dari campurtangan kuasa-kuasa lain. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini iaitu peranan utama badan perundangan ialah bertugas menggubal undang-undang dan tidak boleh menyerahkan kuasa ini kepada golongan yang tidak layak untuk berbuat demikian.¹⁰⁴ Sebaliknya berdasarkan rumusan yang telah dibuat didapati kebebasan badan perundangan di Malaysia sangat terhad kerana ianya lebih terpengaruh dengan kehendak-kehendak kabinet (Jemaah Menteri). Penglibatan Jemaah Menteri secara aktif dalam badan perundangan bererti anggota badan pentadbiran telah mempengaruhi badan perundangan dan banyak menghalang kebebasan ahli-ahlinya. Lebih teruk lagi jika fungsi dan tugas sebenar anggota badan perundangan yang telah dilantik oleh rakyat tidak dapat dilaksanakan sebagaimana sepatutnya dan ia sudah tentu akan menimbulkan suasana yang tidak baik dalam pemerintahan negara ini. Oleh itu peruntukan undang-undang yang menerangkan secara jelas tentang etika, peranan dan tanggungjawab sebenar kabinet hendaklah digubal demi kesejahteraan semua pihak di negara ini.

PENUTUP

Secara keseluruhannya kajian ini telah menghuraikan serba sedikit tentang badan perundangan dan pengamalannya dalam kerajaan Islam. Ia juga telah telah menghuraikan beberapa perkara tentang keanggotaan dalam badan perundangan mengikut perspektif Islam dan realiti pelaksanaannya di Malaysia. Mudah-mudahan ianya dapat dijadikan panduan kepada pihak kerajaan dan umat Islam khususnya di Malaysia untuk menujuhkan sebuah badan perundangan berasaskan konsep Islam.

Penduduk Malaysia hari ini sepatutnya tidak terlalu mendewa-dewakan sistem badan perundangan yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris dan golongan sekular barat. Lebih baik bagi mereka untuk bertukar memilih sistem Islam yang pasti dapat menjamin kesejahteraan dan kepentingan semua kaum di negara ini. Bagi umat Islam, selagi tidak terbentuk sebuah badan perundangan yang disusun berasaskan *syari'ah* Islam selagi itulah ianya menjadi tuntutan *fard kifayah* ke atas mereka untuk berbuat demikian.

Akhirnya diharapkan kajian dan penyelidikan yang sedikit ini dapat memberi sumbangan yang bererti kepada pembangunan pelaksanaan sistem Islam di Malaysia. Kajian ini menyakinkan kita betapa perlunya menujuhkan badan perundangan Islam yang menjunjung tinggi nilai-nilai Islam dan menjaga kemaslahatan manusia keseluruhannya.

NOTA HUJUNG

¹ Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan.

² Zulkifli Hj. Yusuf, Dr., '*'Ulama' Dan Umara': Kerjasama Dalam Penyatuan Ummah*, (Kertas Kerja Kongres 'Ulama' Asia Tenggara Di Universiti Malaya, 23-24 Jun 2001), h. 6.

³ 'Abd Allāh Ibn Aḥmad Qādirī, Dr., *al-Syūrā*, Jeddah: Dār al-Mujtama‘ Li al-Nasyr Wa al-Tawzī', t.t., h. 38. Lihat juga 'Abd al-Qādir 'Awadh, *Al-Islām Wa Awḍā'unā al-Siyāsiyyah*, op. cit., hh. 168-169.

⁴ 'Abd al-Ḥamīd Ismā'iṭ al-Anṣārī, Dr., op. cit., h. 237.

⁵ 'Abd Allāh Ibn Aḥmad Qādirī, op. cit., h. 36.

⁶ Ṣāliḥ Fāris Zahranī, op. cit., h. 274.

⁷ Ibid.

⁸ Atau sebelum hari Malaysia, di wilayah-wilayah yang terkandung dalam sesuatu Negeri Sabah atau Sarawak atau Singapura. Lihat Perkara 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan.

⁹ Perkara 48 (1) (e), Perlembagaan Persekutuan.

¹⁰ Perkara 48 (2), Perlembagaan Persekutuan.

¹¹ 'Abd Allāh Ibn Aḥmad Qādirī, Dr., op. cit., h 31.

¹² Ibid, h 33.

¹³ Ibid, h 36.

¹⁴ Lihat, Article 49 (1) (a), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 47(1) (a), The Laws of The Constitution of Kedah; Article XXXI (1) (a), First Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXIX (1) (a), First Part, First Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 20 (1) (a), Part II, The Constitution of The State of Pahang; Article 13 (1) (a), The Constitution of The State of Penang; Article XXXI (1) (a), Part I, The Laws of The Constitution of Perak; Article LXIV (1) (a), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article L (1) (a), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article XVII (1) (a), Second Part, The Laws of The Constitution of Johore; Perkara 13 (1) (a), Perlembagaan Negeri Melaka; Article 17 (1) (a), The Constitution of The State of Sabah; Article 17 (1) (a), The Constitution of The State of Sarawak.

¹⁵ Badrān Abū al-'Ayn Badrān, *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 1965, 408; Lihat juga Ibn Kathir (1969), *Tafsīr Ibn Kathir*, op. cit., j. I, hh. 452-453.

¹⁶ Badrān Abū al-'Ayn Badrān, *Uṣūl al-Fiqh*, op. cit., hh. 407-410.

¹⁷ Mustafa Zarqā', *al-Fiqh al-Islāmī fī al-Thawb al-Jadīd*, Damsyiq: Matba'ah al-Hayah, 1962, j. 2. h. 779.

¹⁸ Perkara 47 (a), Perlembagaan Persekutuan.

¹⁹ Lihat Perkara 47 (b) dan Seksyen 5 Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

²⁰ Muḥammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris, *al-Niẓām al-Siyāsī Fī al-Islām*, Kuwait: al-Ittiḥād al-Talabah al-Islāmī al-Ālamī, 1984, h. 119.

²¹ Article V, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 3, Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article V, The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article VII (3), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article II, First Part, The Laws of The Constitution of Johore; Article 19, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 17, The Laws of The Constitution of Kedah; Article XV, Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article V, Part II, The Laws of The Constitution of Perak.

²² Perkara 3 (2) Perlembagaan Persekutuan.

²³ Perkara 38 (a) Perlembagaan Persekutuan.

²⁴ Perkara 3 (3) Perlembagaan Persekutuan.

²⁵ Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan.

-
- ²⁶ Perkara 43 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan.
- ²⁷ Amir Hussin Md. Nor, *Negara Islam: Kajian Terhadap Perlembagaan Malaysia*, (Kertas Kerja Seminar Undang-undang Perbandingan di Universiti Kebangsaan Malaysia, 12-13 Jun 2001), h. 10.
- ²⁸ Fu'ad Abd al-Mun'im Ahmad, Dr., op. cit., h. 143.
- ²⁹ Perkara 66, Perlembagaan Persekutuan.
- ³⁰ Perkara 66 (4) Perlembagaan Persekutuan
- ³¹ Perkara 66 seksyen 4 dan 5, Perlembagaan Persekutuan.
- ³² Perkara 45 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- ³³ Article VI, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu.
- ³⁴ Perkara 34 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- ³⁵ Article II, First Part, The Laws of The Constitution of Johore; Article V, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 3, Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article V, The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article V, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article VII (3), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan.
- ³⁶ Article V, Part II, The Laws of The Constitution of Perak.
- ³⁷ Article XV, Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article 17, The Laws of The Constitution of Kedah; Article 19, The Laws of The Constitution of Perlis.
- ³⁸ Lihat, Article IX, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article IX (1), Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 14 (1), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 12 (1), The Laws of The Constitution of Kedah; Article XVIII (1), Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article 6 (1), Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article VIII (1), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article V, First Part, The Laws of The Constitution of Johore.

³⁹ Lihat, Article VI (2), Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article VII, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 13 (2), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 11 (2), The Laws of The Constitution of Kedah; Article VIII (2), Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article 4, Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article VI (2), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article X (1), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article III (3), First Part, The Laws of The Constitution of Johore.

⁴⁰ Grolier Incorporated, op. cit., h. 453.

⁴¹ Ibid., h. 80.

⁴² Perkara tersebut telah disenaraikan dalam jadual kelapan Perlembagaan Persekutuan yang dikira sebagai peruntukan-peruntukan yang mesti dimasukkan kedalam perlembagaan negeri-negeri di Malaysia. Peruntukan tersebut menjelaskan:

"Peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan mewarisi takhta Kerajaan dan dan kedudukan Pembesar-pembesar Memerintah dan pembesar-pembesar adat Melayu yang seumpamanya tidak boleh dipindah oleh Badan Perundangan Negeri".

Peruntukan di atas secara jelas menyatakan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan menduduki takhta sebagai Raja dan bakal Raja yang akan menaiki takhta tidak boleh diubah oleh mana-mana pihak. Lihat Seksyen 19 (2) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan. Perkara 71 (1) Perlembagaan Persekutuan juga ada menjelaskan:

"...apa-apa pertikaian tentang hak untuk mewarisi sebagai Raja mana-mana Negeri hendaklah diputuskan hanya oleh mana-mana pihak berkuasa dan hanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri itu."

Ungkapan di atas secara tegas menjelaskan hak istimewa Raja-raja untuk mewarisi takhta dan memegang kuasa dalam sesebuah negeri adalah bergantung kepada ketetapan yang dibuat dalam perlembagaan negeri masing-masing.

⁴³ Sekiranya seseorang yang belum cukup umur dilantik sebagai Raja, seorang Pemangku Raja atau satu badan yang dinamakan Jemaah pemangku Raja hendaklah dilantik bagi mengambil alih tugas-tugas yang akan dilaksanakan oleh Raja tersebut. Pemangku atau Jemaah Pemangku Raja itu hendaklah dilantik mengikut perlembagaan negeri masing-masing. Sekiranya seseorang itu dilantik menjadi Raja pada masa umurnya belum sampai dua puluh satu tahun Baginda dikira sebagai seorang Raja yang belum cukup umur. Lihat Article XIV (1), Part II, The Laws of The Constitution of Perak.

-
- ⁴⁴ Lihat perkara 38, Perlembagaan Persekutuan
- ⁴⁵ Ibid.
- ⁴⁶ Lihat, Article 44 (1), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 42 (1), The Laws of The Constitution of Kedah; Article XXVIIA (1), First Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXVA (1), First Part, First Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article 15 (1), Part II, The Constitution of The State of Pahang.
- ⁴⁷ Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, op. cit., h. 66.
- ⁴⁸ Article X, Part II, The Laws of The Constitution of Perak.
- ⁴⁹ Lihat, Article 29, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article XXV, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 33, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 32, The Laws of The Constitution of Kedah.
- ⁵⁰ Seksyen 1 (2) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.
- ⁵¹ Lihat, Article 2 (2), Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article III (1)(2), Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 4 (2)(6), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 4 (2)(6), The Laws of The Constitution of Kedah; Article III (2), Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article 34 (1), Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article XCIVIII (2) (3), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article LXXVIII (2), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article V (1) (2), Third Part, The Laws of The Constitution of Johore.
- ⁵² Lihat, Article 28, Second Part, The Laws of The Constitution of Trengganu; Article XI, XII, Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 32, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 32, The Laws of The Constitution of Kedah.
- ⁵³ Perkara 70 (1) Perlembagaan Persekutuan.
- ⁵⁴ Perkara 181 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:
- "Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-raja dan hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh".*

-
- ⁵⁵ Perkara ini telah dijelaskan secara terperinci dalam bab empat disertasi ini.
- ⁵⁶ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 42.
- ⁵⁷ Lihat makna bagi perkataan-perkataan yang terdapat dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor*
- ⁵⁸ Fasal 30, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.
- ⁵⁹ Ahmad Ibrahim, *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, op. cit., h. 42.
- ⁶⁰ Fasal yang kedua puluh empat, *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*.
- ⁶¹ Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), *Malaysia Kita*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), cet. pertama, 1991, h. 543.
- ⁶² Perkara 43 (1), Perlombagaan Persekutuan.
- ⁶³ Perkara 43 (2) (b), Perlombagaan Persekutuan.
- ⁶⁴ Ibid.
- ⁶⁵ Utusan Malaysia, Sabtu 11 Disember 1999, h. 4.
- ⁶⁶ Ibid.
- ⁶⁷ Utusan Malaysia, Sabtu 11 Disember 1999, h. 20.
- ⁶⁸ Ibid., h. 1.
- ⁶⁹ Perkara ini telahpun dijelaskan dalam bab kedua disertasi ini. Untuk memahami lebih lanjut perkara tersebut sila lihat bab kedua disertasi ini pada halaman 137 disertasi ini.
- ⁷⁰ Abū Ya'lā, op. cit., h. 32.
- ⁷¹ Muḥammad Fārūq al-Nabhān, Dr., *Niẓām al-Hūkm Fi al-Islām*, op. cit., h. 495.

-
- ⁷² Ibid.
- ⁷³ Abū Ya‘lā, op. cit., h. 33.
- ⁷⁴ ‘Alī ‘Abd al-Qādir Muṣṭafā, op. cit., h. 229.
- ⁷⁵ Sulaymān Muḥammad al-Tamāwī, op. cit., h. 469.
- ⁷⁶ Perkara 43 (2) (a), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁷⁷ Perkara 43 (2) (a), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁷⁸ Perkara 43 (2) (a), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁷⁹ Perkara 43 (7), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁸⁰ Perkara 43 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- ⁸¹ Razak Mamat, *Fakta Dan Maklumat Kenegaraan Malaysia*, Petaling Jaya: Longman Malaysia, 1989, h.10.
- ⁸² Rupert Emerson, op. cit., 137.
- ⁸³ Tan Ding Eing, op. cit., h. 156.
- ⁸⁴ Lihat William George Maxwell dan William Sumner Gibson (ed.), op. cit., h. 71.
- ⁸⁵ Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, op. cit., h. 183.
- ⁸⁶ Lihat William George Maxwell dan William Sumner Gibson (ed.), op. cit., h. 72.
- ⁸⁷ Lihat Malayan Union, *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Year 1946*, op. cit., h. A1.
- ⁸⁸ Malayan Union, Minutes of The Meetings of The Advisory Council, No. 1, Tuesday 27th January 1948. Dalam *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Period January 1947 To January 1948*, op. cit., h. A1.
- ⁸⁹ Federation of Malaya, Government Gazette, *The Federation of Malaya Agreement, 1948*, op. cit., hh. 2-134.
- ⁹⁰ Perkara 36 (1), Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

-
- ⁹¹ Federation of Malaya, *Report of The Proceedings of The Legislative Council*, Tuesday, 24th February, 1948, op. cit., h.1.
- ⁹² T.E Smith (Supervisor of Elections), *Report On The First Election Of Members To The Legislative Council Of The Federation Of Malaya*, op. cit., h. 16.
- ⁹³ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Second Legislative Council, No. 1, Tuesday, 30th August 1955. Dalam *Minutes of The Second Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) August 1955 to September 1956*, op. cit., h. A1.
- ⁹⁴ Sebagai contoh lihat al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Šahīḥ*, j. IV, op. cit., h. 366; Lihat juga Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Bi Syarḥ Šahīḥ al-Bukhārī*, j. XIII, op. cit. h. 393.
- ⁹⁵ Lihat Muslim Ibn al-Ḥajjāj, *al-Jāmi‘ al-Šahīḥ*, op. cit., hh. 51-52.
- ⁹⁶ Lihat al-Tirmidhī, *al-Jāmi‘ al-Šahīḥ, Sunan al-Tirmidhī*, op. cit., j. IV, hh. 405 dan 468.
- ⁹⁷ Lihat Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, j. I, op. cit., hh. 5-6.
- ⁹⁸ Lihat al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, j. VI, op. cit., h. 23.
- ⁹⁹ Lukman Thaib, *Politik Menurut Perspektif Islam*, op. cit., h. 155.
- ¹⁰⁰ Lihat huraiannya dalam bab dua disertasi ini.
- ¹⁰¹ Lihat perkara 47 dan 48 Perlembagaan Persekutuan.
- ¹⁰² Nādiyah Syarīf al-‘Umari, Dr., *al-Ijtihād Fī al-Islām*, op. cit., h. 255.
- ¹⁰³ Maḥmūd Ḥilmī, Dr., op. cit., h. 87.
- ¹⁰⁴ Mengikut pendapat Dr. Fathi ‘Abd al-Karim orang yang paling layak menganggotai badan perundangan ialah *ahl al-hal wa al-‘aqd*. Lihat Fathi ‘Abd al-Karim, Dr., *al-Dawlah Wa al-Siyādah Fī al-Fiqh al-Islāmī, Dirāsah Muqāranah*, op. cit., h. 543.